

Masih ramai tidak sedar kesan buruk vape terutamanya golongan remaja

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN & MOHAMAD AMREEL  
IMAN ABD MALEK  
**SHAH ALAM**

Kerajaan disaran supaya memantau dan mengawal sebarang aktiviti yang mempromosikan produk-produk tembakau termasuk vape di semua platform media sosial.

Pempengaruh media sosial, Dr Mohd Izzar Anwari Abdul Khani berkata, kekurangan kawalan terhadap aspek tersebut menyebabkan mudahnya untuk masyarakat membeli produk vape di pasaran terutamanya golongan remaja.

Ujarnya, ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam mendidik anak-anak mereka tentang bahaya penggunaan rokok dan vape serta kesannya terhadap kesihatan diri.

**DR MOHD IZZAR**

# Kawal promosi produk tembakau di media sosial

"Kesan rokok itu saya rasa semua orang tahu, cuma rokok elektronik (vape) yang baharu ini masih ramai lagi yang belum ada kesedaran, ditambah pula promosi-promosi pempengaruh media sosial dan selebriti dengan vape."

"Mereka buat macam (hisap vape) itu satu perkara yang ber-gaya. Sebab saya tengok vape ini, siap ada roadshow."

"Mereka boleh buat sewenang-wenangnya, boleh jual secara terbuka sebab tiada kawalan," katanya selaku panelis pada Wacana Sinar siri 399 bertajuk Generasi Penamat Rokok - Daripada Tiga Perspektif yang disiarkan secara langsung di semua platform *Sinar Harian* pada Selasa.

Turut menjadi panelis ialah Yang Dipertua Persatuan Kesihatan Malaysia (Ikram Health), Dr Mohd Afiq Mohd



Nor dan Pakar Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Wency Bui Kher Thinng manakala Azlan Shah Nabees Khan bertindak sebagai moderator. Ulas Dr Mohd Izzar, sudah menjadi trend untuk mana-mana jenama barang termasuk syarikat rokok, menggunakan pempengaruh media

sosial dalam mempromosikan produk.

Menurutnya, ia kerana pempengaruh media sosial mempunyai capaian pengikut yang ramai dalam media sosial sekali gus meluaskan pemasaran jenama sesuatu produk itu.

"Bagi saya ini satu perkara yang tidak patut dan tidak di-

sokong. Sebagai seorang *influencer* atau selebriti, mereka seharusnya menjaga kandungan yang mereka kongsikan kepada penonton mereka.

"Oleh itu, sudah tiba masa satu rang undang-undang (RUU) untuk mengawal promosi dan penjualan produk tembakau termasuk vape diadakan," ujarnya.

**Dr Mohd Izzar (tengah)** bersama Dr Mohd Afiq (kiri) dan Wency sebagai panelis pada Wacana Sinar siri 399 yang disiarkan secara langsung di semua platform *Sinar Harian* pada Selasa.